



KEPELBAGAIAN bahan pembelajaran memudahkan proses pendidikan.

Penyediaan pelajaran dalam semua bentuk

Oleh V. SANKARA

BAYANGKAN, kisah lagenda Si Tenggang yang tidak bersyukur dihidupkan di dalam satu cerita multimedia untuk satu kelas sastera. Seorang pelajar kimia mencampurkan bahan kimia berbahaya tanpa mengalami kecederaan di dalam makmal digital.

Seorang pelajar jurusan pemiagaan mencipta portfolio kewangan maya yang membolehkannya memenangi satu kontrak lumayan.

Sememangnya, kemajuan teknologi telah membolehkan ilmu pengetahuan untuk disebarkan dalam pelbagai bentuk.

Tetapi, *'The book you don't read can't help'* (Buku yang tidak dibaca tidak akan dapat membantu) mengandungi rumusan penulis Amerika Syarikat, Jim Rohn mengenai situasi tersebut.

Dalam kata lain, jika seorang pelajar tidak membaca, mereka tidak akan

mendapat ilmu yang mereka perlukan. Bagaimanapun, dalam kes e-pelajaran, pelajar tidak akan mendapat manfaat daripada alatan pembelajaran yang sedia ada jika mereka langsung tidak menggunakannya.

Pengarah Pusat Panduan Rekabentuk dan Teknologi (CIDT) Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Prof. Dr. Zoraini Wati Abas menunjukkan sentimen yang sama apabila berhadapan dengan pembelajaran berkenaan dengan suasana sendiri.

Beliau menegaskan bahawa pelajar perlu membaca nota kursus sebelum kuliah, menyiapkan latihan dan aktiviti yang dicadangkan dan membuat kajian tambahan untuk pelajaran menyeluruh.

Bagi pengajian jarak jauh, bahan pembelajaran yang padat dan berkesan sangat penting memandangkan kebanyakan pelajar tidak mempunyai masa yang cukup untuk merujuk pelbagai bahan-bahan rujukan.

Mengambil kira kepelbagaian keperluan pelajarannya, OUM menekankan keutamaan

kuali bahan pembelajarannya termasuk bahan cetak modul.

"Modul cetakan kami direka khas sebagai bahan rujukan *'self-contained'* yang mudah dibaca," kata Prof. Zoraini.

Pelajar, katanya, boleh mempelajari subjek mereka sendiri serta merujuk kepada bahan-bahan berkenaan ketika kelas tutorial diadakan ataupun membuat maklumat yang termaktub dalam modul.

Peningkatan modul OUM bermula pada bulan Mei 2001, dengan kerjasama Universiti Malaysia (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pada bulan Januari 2002, unit CIDT telah ditubuhkan dan diberikan tanggungjawab untuk menjaga penerbitan serta kualiti bahan pembelajaran OUM.

Sekarang, unit tersebut telah mencipta lebih 250 tajuk modul dan bilangannya semakin bertambah.

Unit CIDT bagaimanapun tidak sahaja menerbitkan modul bercetak malah turut bertanggungjawab mencipta kursus elektronik dan multimedia.

CIDT juga mencipta kandungan untuk kelas tutorial secara online yang dipanggil 'Tutorials'.

Dengan terdapatnya lima fakulti dan 47 program di OUM, bukan semua modul yang dicipta adalah dalam bentuk sama.

Secara tambahan kepada bahan cetakan, pelajar sastera mungkin akan mendapati jalan cerita animasi sebagai satu bonus untuk mereka manakala pelajar mikrobiologi mungkin akan menemui makmal digital enakmen semula.

Kesemua modul dicipta melalui proses pembangunan kandungan yang terperinci.

Proses tersebut bermula dengan peringkat pra-penulisan di mana dekan dan beberapa pasukan yang pakar dalam bidang tertentu (SME) akan menganalisis keperluan kandungan dalam mendefinisikan sukatan pembelajaran.

Penulis kandungan juga dilatih untuk menguasai format dan cara penulisan bagi bahan pembelajaran jarak jauh.

Justeru, proses penulisan, pengubahsuaian dan penyuntingan akan bermula.

Proses penulisan biasanya mengambil masa sekurang-kurangnya setahun sebelum ia sampai kepada pereka bentuk dan pasukan pembangunan yang mereka bentuk dan menguasai bahan-bahan cetakan dan e-content.

Proses pembelajaran modul secara tradisional, bagaimanapun, tidak akan berhenti apabila bahan-bahan tersebut berada pada pelajar-pelajar yang memulakan semester baru ataupun dimuatnaik dalam sistem pembelajaran pengurusan OUM (myLMS).

Modul-modul berikut dikaji secara berterusan untuk mengubahsuaikan kepentingan bidang-bidang industri ataupun melahirkan rasa mesra pengguna.

Sambutan terhadap bahan-bahan rujukan juga datang dari pelajar, secara tambahan kepada SME.

Kesannya, unit CIDT yang dimiliki OUM memperoleh MS ISO9001: 2000 pada tahun 2005.

UM secara berperingkat memperbaharui bahan-bahan pembelajarannya melalui unit CIDT.

Latihan dan keputusan analisis dibuat secara tambahan terhadap lawatan sambil belajar ke universiti lain untuk tujuan meletakkan tahap yang munasabah.

Universiti-universiti lain juga telah mula

menyenaraikan OUM dalam lawatan sambil belajar mereka, dengan segelintir pihak yang menunjukkan minat dalam menguasai proses-proses CIDT.

Antara universiti-universiti tersebut adalah Universiti Terbuka Kebangsaan Korea, Universiti Terbuka Arab, Universiti Terbuka Indonesia dan Akademi Delta di Mesir.

Perancangan semasa unit CIDT adalah mempelbagaikan jenis media dalam menyampaikan pengetahuan, bermula dengan penerbitan bahan-bahan audio dan video.

"Kami berniat untuk menyampaikan maklumat dalam cara pembelajaran unik,"

kata Prof. Zoraini.

Ia bergantung kepada pelajar-pelajar untuk memilih peralatan yang sesuai untuk diri mereka sendiri, katanya lagi.

Dengan adanya pelbagai bahan pembelajaran, pelajar OUM boleh mengambil peluang untuk memperkayakan lagi pengalaman pembelajaran mereka, tambahannya.

Untuk keterangan lanjut berkenaan Universiti Terbuka Malaysia, sila hubungi 603-27732002 ataupun email kepada HYPERLINK "mailto:enquiries@oum.edu.my" ataupun enquiries@oum.edu.my.

Secara alternatif, lawat laman web [HYPERLINK](http://www.oum.edu.my) di <http://www.oum.edu.my>.